Kecemerlangan sukan sesebuah negara atau pasukan pastinya dilihat dan diukur melalui pencapaiannya di dalam sesuatu pertandingan tertinggi yang disertai seperti pertandingan Olimpik dan Piala Dunia. Begitu juga ukuran kecemerlangan pemain-pemain IPGM dapat diukur dalam pertandingan bola sepak tertinggi di peringkat KPM iaitu pertandingan SIPMA. Sukan bola sepak merupakan satu seni yang amat indah dan unik sekali. Selain daripada tahap kemahiran individu harus dikuasai seperti hantaran, menanduk, mengececek dan menjaring gol serta komponen KM (ketangkasan, imbalan, koordinasi, kuasa, kelajuan & masa tindakbalas), pemain harus menguasai komponen MK taktikal dalam kemahiran yang tepat dan cepat, kerjasama sepasukan serta perlu tahu sedikit sebanyak kelemahan dan kekuatan pasukan lawan dalam situasi sesuatu permainan sebenar (Nathan, Abd. Rahim, Mohd Shariff & Norkhalid, 2014).



Pemain-pemain bola sepak dari IPG kampus terpilih merupakan pemain-pemain institut, pengkaji mendapati tahap keupayaan komponen MK taktikal pilihan kemahiran, kemahiran dan kecergasan mereka masih amat rendah lagi. Ini terbukti melalui bukti anakdotal (pemerhatian) iaitu keputusan pertandingan KAGUM yang masih memperlihatkan mutu permainan yang amat rendah dan seterusnya gagal pada peringkat pertandingan SIPMA yang mana pemain-pemain daripada KAGUM dipilih mewakili IPGM ke pertandingan tersebut. Keputusannya amat mengecewakan sekali bermula dari SIPMA 2007 lagi yang diadakan di Kedah, pada tahun 2009- Kuala Lumpur, 2011- Melaka, 2013- Pahang, 2015- Perlis dan 2017 di Kuala Lumpur yang mana pasukan bola sepak IPGM terlalu mudah ditewaskan oleh pasukan-pasukan lain





yang bertanding pada kejohanan SIPMA seperti MSSM, MASUM, Politeknik, Kolej Matrikulasi, Kolej Komuniti dan Pusat Pengajian Swasta serta pasukan IPGM sendiri. Keputusan yang dicapai oleh pasukan IPGM jelas menunjukkan betapa rendahnya mutu pencapaian dan kebolehan pemain-pemain dari IPG kampus cawangan amnya dan IPGM keseluruhan khususnya (Institut Pendidikan Guru Malaysia: Laporan & Berita Sukan dan Permainan IPGM, 2015).

Pengkaji adalah seorang jurulatih yang terlibat secara langsung dalam kejohanan tersebut dapat mengenalpasti antara kelemahan yang terdapat dalam pasukan IPGM adalah melalui pemerhatian dalam program latihan mereka serta disebabkan corak latihan pendekatan model teknikal yang mengutamakan kemahiran sahaja. Pemain-pemain tidak diterapkan dengan kaedah-kaedah baharu seperti model latihan terkini misalnya yang mengadunkan *game based training model* iaitu Model TGfU Revisi. Pemain dilatih dan diajarkan melalui kaedah lama yang mengutamakan kemahiran iaitu menerusi langkah memanaskan badan, demonstrasi, latih tubi, permainan kecil atau permainan penuh serta penyejukan badan yang jelas kurang memberikan kesan baik dan positif lagi (Hooper & Davis, 1988). Pendekatan latihan model teknikal menyebabkan pemain kurang bijak MK taktikal pilihan kemahiran sesuai, pemilihan strategi menyerang dan bertahan dalam situasi permainan yang mana MK taktikal merupakan antara kunci utama dalam permainan bola sepak.





Berdasarkan konteks kejurulatihan di Malaysia, kajian dijalankan menggunakan Model TGfU adalah terhad dalam permainan bola sepak (Salim, 2010). Kajian Salim (2010) hanya menggunakan model TGfU asal yang diperkenalkan oleh Bunker dan Thorpe (1982) iaitu hanya dalam aspek taktikal seperti komponen MK dan PK sahaja. Begitu juga halnya dengan IPGM. Segelintir pemain-pemain IPG dikatakan masih menggunakan kaedah latihan model TGfU asal, namun ia tidak melaksanakan Model TGfU Revisi seperti dicadangkan oleh Kirk dan MacPhail (2002) iaitu Model TGfU lebih menyeluruh (Ringkasan Maklumat Kursus Ko-kurikulum & PJ IPGM). Malah kajian mengenai Model TGfU Revisi juga masih belum dikaji secara meluas lagi kecuali Nathan (2016) dalam permainan badminton. Justeru itu, pengkaji ingin menggunakan pula Model TGfU Revisi yang diperkenalkan oleh Kirk dan MacPhail (2002) dalam kajian ini. Model TGfU Revisi adalah penting untuk dilaksanakan bagi melihat kesannya sepertimana kajian model TGfU asal oleh Bunker dan Thorpe (1982). Maka pengkaji menggunakan program kejurulatihan bola sepak latihan dilabelkan sebagai PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi dengan harapan penguasaan dalam komponen PK (hantaran, menanduk, menggelecek & menjaring), MK taktikal pilihan kemahiran (hantaran, menanduk, menggelecek & menjaring) dan KM pemain-pemain (ketangkasan,imbangan, koordinasi, kuasa, kelajuan & masa tindakbalas) di IPG mampu dipertingkatkan.

Sebelum ini kurang kajian mengenai Model TGfU Revisi dijalankan pada peringkat IPG apatah lagi kajian berkaitan menggunakan Model TGfU Revisi Kirk dan MacPhail (2002) dalam program latihan inovasi seperti PLAA yang diuji





kesannya dalam komponen MK taktikal pilihan kemahiran, PK dan KM pemain IPG. Keputusan mengecewakan dicapai oleh pemain-pemain IPGM dapat dilihat melalui pencapaian SIPMA dan pemerhatian sebagai bukti kurangnya penguasaan pemain dalam PK (hantaran, menanduk, menggelecek & menjaring), sokong (*support*), lindung (*cover*) serta MK taktikal pilihan kemahiran (hantaran, menanduk, menggelecek & menjaring) selain daripada beberapa faktor komponen kecergasan. Pada peringkat IPG, kesan pemain menggunakan Model TGfU tidak dikaitkan dengan komponen kecergasan seperti ketangkasan, imbangan, koordinasi, kuasa, kelajuan dan masa tindakbalas. Setakat ini tiada kajian di IPG dilaksanakan untuk melihat kesan Model TGfU Revisi dalam bentuk kejurulatihan dari segi KM pemain serta PNR pandangan pemain dalam aspek keseronokan, penguasaan kemahiran, penguasaan taktikal dan peningkatan pemikiran pemain. Ekoran daripada itu, dalam kajian ini pengkaji ingin membina program kejurulatihan bola sepak PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi yang dinilai berdasarkan komponen MK taktikal pilihan kemahiran, PK, KM pemain dan PNR pandangan pemain yang memang terbukti amat penting dilaksanakan dalam permainan bola sepak di IPG khasnya dan keseluruhan pemain amnya.

Setakat ini tidak ada kajian yang dilaksanakan di IPG untuk melihat kesan Model TGfU Revisi dalam bentuk program latihan inovasi dan melihat kesannya terhadap komponen MK taktikal pilihan kemahiran (hantaran, menggelecek, menanduk & menjaring), PK (hantaran, menggelecek, menanduk & menjaring), sokong dan lindung dalam situasi permainan mini 4 lawan 4, KM pemain (ketangkasan, imbangan, koordinasi, kuasa, kelajuan & masa tindakbalas) serta





komponen PNR pandangan pemain (keseronokan, penguasaan taktikal, penguasaan kemahiran & peningkatan pemikiran). Pemain-pemain IPGM bakal menjadi guru di sekolah-sekolah rendah seluruh negara apabila mereka tamat pengajian di institut kelak. Ilmu yang diperoleh daripada pensyarah ditambah dengan pengalaman sebagai pemain institut diharapkan mampu diperturunkan pula kepada anak-anak murid mereka kelak. Kelemahan yang terdapat dalam Model TGfU asal adalah tidak mengambil kira persekitaran yang boleh mempengaruhi aspek kejurulatihan menyebabkan pengkaji menggunakan Model TGfU Revisi Kirk dan MacPhail (2002) dalam pembinaan PLAA.

Beberapa perubahan dilakukan oleh Kirk dan MacPhail ke atas model TGfU asal (Bunker & Thorpe, 1986) dengan berpaksikan teori pembelajaran bersituasi (*situated learning theory*) dan pembelajaran persekitaran. Enam langkah pembelajaran dalam model TGfU asal disesuaikan dengan langkah penambahbaikan seperti kefahaman tentang bentuk permainan dan pelajar, konsep permainan, pemikiran strategik, persepsi kiu, MK melalui persepsi kiu, pemilihan teknik dalam PK, prestasi permainan bersituasi serta pembangunan kemahiran (Kirk & MacPhail, 2002, Nathan, 2014). Selain daripada komponen MK, taktikal seperti strategi menyerang dan bertahan serta PK, namun komponen KM dalam aspek ketangkasan, imbalan, koordinasi, kuasa, kelajuan dan masa tindakbalas tidak ditekankan dan digabungkan dalam konteks kejurulatihan bola sepak Malaysia yang menggunakan model TGfU asal. Oleh kerana terdapat banyak kelemahan dalam program kejurulatihan bola sepak IPGM dan beberapa faktor lain, prestasi pasukan di peringkat KAGUM dan SIPMA begitu merundum sekali.





Pendekatan latihan yang digunapakai setakat ini adalah Model Teknikal yang mengutamakan kemahiran. Tambahan pula ada juga usaha penggunaan pendekatan TGfU dalam latihan bola sepak cuba digunakan iaitu Model TGfU asal bukannya Model TGfU Revisi. Di samping itu, hampir tidak ada kajian kejurulatihan bola sepak yang menggunakan Model TGfU Revisi dalam program latihan bola sepak IPG khususnya dan pada peringkat negara amnya. Oleh yang demikian, tujuan kajian adalah ingin membandingkan kesan PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi oleh pengkaji dibandingkan dengan MLT iaitu latihan yang mengutamakan kemahiran lazim digunakan melalui komponen MK taktikal pilihan kemahiran (hantaran, menanduk, menggelecek & menjaring gol), PK (hantaran, menanduk, menggelecek & menjaring gol), sokong dan lindung dalam situasi permainan mini 4 lawan 4. Tambahan pula, kajian ini mengkaji kesan kedua-dua program dalam komponen KM pemain (ketangkasan,imbangan, koordinasi, kuasa, kelajuan & masa tindakbalas) serta komponen PNR pandangan pemain (keseronokan, penguasaan kemahiran & taktikal serta peningkatan pemikiran) kesan daripada penggunaan dua bentuk program latihan iaitu Model Teknikal dan Model TGfU Revisi.

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk melihat kesan Program Latihan Acai Adidas (PLAA) yang dibina berasaskan model TGfU Revisi oleh pengkaji terhadap kemahiran asas permainan mini 4 lawan 4 dan komponen kecergasan bola sepak dalam kalangan pemain-pemain Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).





Kajian ini dilakukan untuk melihat kesan PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi terhadap aspek konfigurasi permainan bola sepak iaitu membuat keputusan (MK) taktikal pilihan kemahiran, pelaksanaan kemahiran (PK), sokong dan lindung dalam situasi permainan mini 4 lawan 4, kecergasan motor (KM) pemain dalam permainan bola sepak serta penulisan nota refleksi (PNR) melibatkan pemain-pemain IPGM yang terpilih khususnya. Secara khususnya kajian ini ingin mengkaji;

1.4.1 Kesan pelaksanaan kajian PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi dengan MLT berdasarkan pencapaian pemain terhadap komponen MK taktikal pilihan kemahiran dalam aspek hantaran, menanduk, menggelecek dan menjaring dalam situasi permainan mini 4 lawan 4 sebelum dan selepas intervensi latihan.

1.4.2 Kesan PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi dengan MLT terhadap komponen PK dalam aspek hantaran, menanduk, menggelecek dan menjaring gol dalam situasi permainan mini 4 lawan 4 sebelum dan selepas intervensi latihan.

1.4.3 Kesan PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi dengan MLT terhadap komponen sokong (support) dalam situasi permainan mini 4 lawan 4 sebelum dan selepas intervensi latihan.

1.4.4 Kesan PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi dengan MLT terhadap komponen lindung (cover) dalam situasi permainan mini 4 lawan 4 sebelum dan selepas intervensi latihan.

1.4.5 Kesan tahap komponen KM pemain dalam aspek ketangkasan, imbalan, koordinasi, kuasa, kelajuan dan masa tindakbalas terhadap pelajar yang terlibat dengan PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi dengan MLT sebelum dan selepas intervensi latihan.





- 1.4.6 Menganalisis komponen PNR pandangan pemain berstruktur dalam proses kejurulatihan terhadap penggunaan PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi dan MLT dalam latihan bola sepak pasukan IPG dalam aspek keseronokan, penguasaan kemahiran, penguasaan taktik dan peningkatan pemikiran selepas intervensi latihan.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan yang hendak disampaikan pengkaji dalam kajian ini adalah;

- 1.5.1 Adakah terdapat perbezaan signifikan antara PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi dengan MLT terhadap komponen MK taktikal pilihan kemahiran hantaran, menanduk, menggelecek dan menjaring gol dalam situasi permainan mini 4 lawan 4 pada peringkat praujian dan pascaujian?
- 1.5.2 Adakah terdapat perbezaan signifikan antara PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi dengan MLT terhadap komponen PK dalam aspek hantaran, menanduk, menggelecek dan menjaring gol dalam situasi permainan mini 4 lawan 4 pada peringkat praujian dan pascaujian?
- 1.5.3 Adakah terdapat perbezaan signifikan antara PLAA dibina berasaskan Model TGfU Revisi dengan MLT dalam komponen sokong terhadap pemain penyerang dalam situasi permainan mini 4 lawan 4 pada peringkat praujian dan pascaujian?





- 1.5.4 Adakah terdapat perbezaan signifikan antara PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi dengan MLT terhadap komponen lindung pemain pertahanan dalam situasi permainan mini 4 lawan 4 pada peringkat praujian dan pascaujian?
- 1.5.5 Adakah terdapat perbezaan signifikan antara PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi dengan MLT terhadap komponen KM pemain dalam aspek ketangkasan, imbangan, koordinasi, kuasa, kelajuan dan masa tindakbalas kepada pemain pada peringkat praujian dan pascaujian?
- 1.5.6 Sejauhmanakah pandangan pemain terhadap penggunaan PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi dan MLT terhadap komponen PNR pandangan pemain (keseronokan, penguasaan kemahiran, penguasaan taktikal & peningkatan pemikiran pemain) dalam situasi permainan mini 4 lawan 4 selepas intervensi program latihan?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis merupakan saranan kepada jawapan masalah. Saranan sementara mengenai hubungan antara pembolehubah yang diperoleh melalui deduksi. Hipotesis adalah satu perkara yang perlu dilakukan di dalam kajian-kajian ilmiah yang memerlukan penginterpretasian dalam data-data yang dikumpul melalui ujian-ujian yang dijalankan di dalam kajian ini (Mohd Sheffie, 1995).





Berdasarkan limitasi kajian dan objektif yang dijalankan, lima hipotesis nul telah dibina. Lima (5) Hipotesis Nul (H_0) dinyatakan pada aras keertian $p \leq .05$ di dalam kajian ini.

1.6.1 H_{01} Tidak terdapat perbezaan signifikan antara PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi dengan MLT terhadap komponen MK taktikal pilihan kemahiran (hantaran, menanduk, menggelecek & menjaring gol) dalam situasi permainan mini 4 lawan 4 pada peringkat praujian dan pascaujian.

1.6.2 H_{02} Tidak terdapat perbezaan signifikan antara PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi dengan MLT terhadap komponen PK (hantaran, menanduk, menggelecek & menjaring gol) dalam situasi permainan mini 4 lawan 4 pada peringkat praujian dan pascaujian.



1.6.3 H_{03} Tidak terdapat perbezaan signifikan antara PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi dengan MLT terhadap komponen sokong pemain penyerang dalam situasi permainan mini 4 lawan 4 pada peringkat praujian dan pascaujian.

1.6.4 H_{04} Tidak terdapat perbezaan signifikan antara PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi dengan MLT terhadap komponen lindung pemain pertahanan dalam permainan mini 4 lawan 4 pada peringkat praujian dan pascaujian.

1.6.5 H_{05} Tidak terdapat perbezaan signifikan antara PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi dengan MLT dalam komponen KM (ketangkasan, imbangan, koordinasi & kelajuan) terhadap pemain pada peringkat praujian dan pascaujian.





1.7 Kepentingan Kajian

Hasil kajian diharapkan boleh meningkatkan prestasi pasukan bola sepak IPG Kampus Lembah Klang dan IPGM keseluruhannya dalam aspek permainan bola sepak yang berkesan termasuk kemahiran-kemahiran dalam kejurulatihan pemain. Pertama, kajian dapat menentukan kesan model latihan permainan bola sepak PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi selama enam (6) minggu latihan kemahiran dan kecergasan sebanyak tiga kali seminggu. Sesi latihan dijalankan selama sejam setengah (90 minit) merangkumi komponen MK taktikal pilihan kemahiran dan PK dalam aspek hantaran, menanduk, mengelecek dan menjaring gol serta komponen KM pemain-pemain IPG. Kedua, kajian dapat memberikan maklumat tentang tahap peningkatan prestasi permainan dan kecergasan pemain sebelum dan selepas PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi dan MLT di IPG kampus berdasarkan data-data yang diperoleh dalam kajian.

Seterusnya, kajian dapat memberikan kesedaran kepada semua jurulatih IPG kampus berkaitan tanggungjawab dalam latihan untuk membawa program kejurulatihan bola sepak dalam meningkatkan aspek keseronokan, penguasaan kemahiran, penguasaan taktik dan peningkatan pemikiran pemain. Model program latihan dapat dikembangkan oleh IPGM Induk untuk diimplementasikan di IPG kampus cawangan seluruh Malaysia. Program latihan model ini adalah berkesan, sesuai dan mudah untuk dipraktikkan serta tidak mengambil jangkamasa terlalu lama untuk dilaksanakan. Kajian PLAA boleh diperkenalkan di seluruh IPG untuk dimasukkan ke dalam kurikulum IPGM agar bakal guru opsyen dan elektif PJ dapat mempraktikkan ilmu yang dipelajari apabila mereka ditempatkan di sekolah-sekolah.





Tambahan pula, PLAA dapat menilai tahap perkembangan komponen KM pemain dalam aspek ketangkasan, imbangan, koordinasi, kuasa, kelajuan dan masa tindakbalas kepada pemain IPG amnya dan IPGM khususnya. Ujian-ujian KM yang dijalankan diharap dapat menyumbang ilmu pengetahuan yang baharu terhadap perkembangan kemahiran pemain. Maklumat yang diperoleh, pemain boleh membuat penilaian tentang tahap perkembangan kemahiran taktikal mereka agar dapat memikirkan kaedah terbaik dan berkesan mengenai 'Apa' dan 'Bagaimana' seperti yang disarankan oleh Bunker dan Thorpe (1982) serta Kirk dan MacPhail (2002).

Dapatan kajian adalah diharap dapat memotivasikan pemain agar sentiasa mengekalkan tahap kemahiran taktikal dan kecergasan yang diperoleh mereka dalam latihan. Harapannya agar melalui penulisan kajian PLAA, penglibatan guru pelatih dalam permainan bola sepak akan dapat ditinjau dengan lebih mendalam lagi. Di samping itu, hasil kajian ini diharapkan boleh membantu untuk disyorkan cadangan bagi meningkatkan kesan program latihan kejurulatihan yang dijalankan seterusnya dapat memotivasikan dan minat pemain dalam model yang diterapkan.

Hasil daripada kajian, diharapkan mampu memberikan satu gambaran kasar kepada pihak terbabit seperti Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (PPK, KPM) dalam menilai semula serta memperbaiki sukatan sedia ada dalam usaha memantapkan sukatan tersebut demi kebaikan dan kepentingan bersama. Kajian PLAA cuba membimbing dan memberikan kefahaman kepada bakal guru,





guru, pensyarah dan jurulatih tentang peranan dan tanggungjawab agar mereka boleh menjalankan tugas seharian dengan lebih berkesan lagi. Kajian PLAA diharapkan dapat memberikan satu lagi kefahaman lebih jelas buat sekolah dan institut perguruan berkaitan program-program latihan berkesan dan terbaik mampu dilaksanakan.

Kajian PLAA juga diharapkan dapat menjadi satu panduan berguna kepada penglibatan semua dalam bidang sukan mengenai kaedah lebih berkesan dalam meningkatkan prestasi pemain ke peringkat tertinggi yang boleh. Kaedah-kaedah dijalankan selama ini tidak semestinya yang terbaik tetapi melalui pendekatan model baharu di bumi Malaysia mampu menjadi alternatif dan satu gabungan program yang amat berkesan ke arah peningkatan maksimum dalam sesebuah pasukan.



1.8 Definisi Operasional

Berikut dijelaskan definisi operasional berkenaan dengan aktiviti latihan yang dijalankan dalam penyelidikan Program Latihan Acai Adidas (PLAA).

1.8.1 Membuat Keputusan (MK) taktikal pilihan kemahiran dalam situasi permainan mini 4 lawan 4

Satu perbuatan dalam melakukan, menjalankan atau melaksanakan sesuatu aktiviti dalam program latihan permainan bola sepak. Pemain-pemain akan melaksanakan beberapa kemahiran seperti dalam PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi serta diharapkan mampu membuat keputusan dengan baik dan berkesan dalam situasi permainan mini 4 lawan 4. Komponen MK taktikal pilihan kemahiran sesuai pada





masa dan tempat adalah dalam aspek-aspek (i) hantaran, (ii) menggelecek, (iii) menanduk (iv) menjaring gol. Komponen diukur melalui Instrumen Pemerhatian Permainan (GPAI) yang diubahsuai. Aspek-aspek hantaran, menggelecek, menanduk dan menjaring dalam komponen MK taktikal pilihan kemahiran adalah domain kognitif. Pemain perlu berfikir dan bertindak dengan pantas, cepat dan tepat tentang apa dan bagaimana pemain perlu melakukan kemahiran dalam situasi permainan untuk membuat hantaran kepada rakan sepasukan, menggelecek pihak lawan, menanduk untuk mengeluarkan bola dari kawasan bahaya atau kawasan sendiri seterusnya menendang untuk menjaringkan gol.

1.8.2 Pelaksanaan Kemahiran (PK) dalam situasi permainan mini 4 lawan 4



Kecekapan atau kepandaian dalam melakukan atau melaksanakan sesuatu kemahiran melalui program latihan di dalam permainan bola sepak. Kemahiran-kemahiran yang dilaksanakan untuk pemain-pemain adalah seperti hantaran, menanduk, menggelecek dan menjaring gol. Pemain kemudiannya melaksanakan kemahiran tersebut dalam situasi permainan mini 4 lawan 4. Komponen PK pula terdiri daripada aspek hantaran, menanduk, menggelecek dan menjaring gol. Komponen diukur melalui GPAI yang diubahsuai. Aspek-aspek hantaran, menggelecek, menanduk dan menjaring adalah merupakan domain psikomotor. Pemain perlu bertindak dengan pantas, cepat dan tepat untuk memilih kemahiran diperlukan dalam situasi permainan ketika hendak melakukan hantaran kepada rakan sepasukan, menggelecek melepasi pihak lawan, menanduk untuk mengeluarkan bola seterusnya menendang ketika menjaringkan gol.





1.8.3 Program Latihan Acai Adidas (PLAA) berasaskan Model TGfU Revisi

Kegiatan PLAA merupakan satu bentuk latihan pendekatan taktikal yang merujuk kepada topik latihan untuk memberikan penekanan kepada pengalaman dan pendedahan bermain dalam satu-satu permainan. Bentuk latihan dibina berasaskan Model TGfU Revisi oleh Kirk dan MacPhail (2002) yang dijalankan adalah terdiri daripada pemain-pemain IPG kampus Lembah Klang. Intipati PLAA adalah persepsi kiu, situasi permainan, taktikal, kemahiran, pengetahuan permainan dan latih tubi kemahiran banyak menggunakan pendekatan situasi permainan mini dengan mengambil kira situasi pembelajaran dan kejurulatihan IPG.

1.8.4 Sokong (*support*)



Sokongan atau bantuan yang diberikan kepada rakan sepasukan dalam permainan bola sepak. Sokong merupakan komponen taktikal yang dilakukan dalam situasi permainan mini 4 lawan 4 dalam PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi. Kesan seseorang pemain memberikan sokongan atau bantuan kepada rakan sepasukan ketika mempunyai bola untuk bertahan atau melakukan serangan dalam permainan ini disebut sebagai sokong (*support*). Sokong juga merupakan satu usaha yang tepat dan sesuai kepada rakan sepasukan bersama bola ketika dalam keadaan untuk menerima bola. Sokong (*support*) merupakan komponen permainan yang dinilai dalam situasi permainan mini 4 lawan 4 berdasarkan GPAI.





1.8.5 Lindung (*cover*)

Satu perlakuan menghalang atau melindungi rakan sepasukan atau pasukan sendiri daripada dibolosi oleh pihak lawan. Lindung merupakan satu komponen taktikal yang dilakukan dalam PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi. Lindung juga merupakan perlakuan halangan atau pertahanan daripada dibolosi pihak lawan, melindungi serta memberikan bantuan kepada rakan sepasukan untuk melakukan perebutan bola dari pihak lawan sebelum mereka berjaya menjaringkan gol ke arah pasukan kita sendiri. Lindung (*cover*) juga dinilai dalam situasi permainan mini 4 lawan 4 berdasarkan GPAI.

1.8.6 Model TGfU Asal

Satu bentuk latihan pendekatan teknikal atau tradisional yang diperkenalkan oleh Bunker dan Thorpe (1982) yang telah digunapakai selama ini dengan enam langkah yang telah diperkenalkan kepada pelajar atau pemain iaitu permainan, menghargai permainan, kesedaran taktikal, membuat keputusan, pelaksanaan kemahiran dan prestasi seperti dalam Rajah 2.1.

1.8.7 Model TGfU Revisi

Satu bentuk latihan pendekatan taktikal yang diperkenalkan oleh Kirk dan Mac Phail (2002) yang telah ditambah baik melalui model latihan TGfU asal oleh Bunker dan Thorpe (1982). Ditambah beberapa langkah hasil daripada model asal dengan penambahan seperti kefahaman permainan, pemikiran yang strategik, persepsi kiu dan prestasi bersituasi serta penyertaan masyarakat didalamnya. Model ini boleh dilihat dengan lebih jelas seperti yang dipaparkan di dalam Rajah 2.2.





1.8.8 Model Teknikal

Model Teknikal adalah satu bentuk latihan yang merupakan satu cara mengajar sesuatu kemahiran dan perlakuan teknikal yang tepat dan tersusun. Model Teknikal merupakan sesuatu kaedah mendapatkan kemahiran dalam perlakuan serta memberikan fokus dan tumpuan kepada pengajaran kemahiran juga dikenali sebagai latihan konvensional atau tradisional. Latihan model teknikal biasa dipraktikkan di Malaysia bermula dengan sesi memanaskan badan, demonstrasi oleh jurulatih, latihan beberapa kemahiran dan situasi permainan mini atau permainan sebenar pada penghujung sesi latihan.

1.8.9 Kecergasan Motor (KM)



Satu bentuk tenaga untuk bergiat aktif dengan cepat atau pantas untuk menghasilkan satu gerakan yang mantap dan berkesan dalam program latihan. Ujian kecergasan yang dilalui oleh para pemain adalah kecergasan fizikal berlandaskan kemahiran motor dalam aspek ketangkasan, imbalan, kuasa, koordinasi, kelajuan serta masa tindakbalas. Pelbagai ujian dijalankan terhadap komponen KM seperti aktiviti Ujian Lari ulang-alik, Imbalan Dinamik, Ujian Heksagon, Lompat Jauh Berdiri, Ujian Memecut dan Ujian Masa Respon Nelson.

1.8.10 Ketangkasan

Keupayaan seseorang pemain untuk mengubah kedudukan badan dengan kadar yang pantas di samping dapat mengawal penggerakannya dengan begitu baik sekali. Ujian





bagi ketangkasan adalah Ujian Lari Ulang-alik 20 meter berdasarkan Ujian Fitnessgram. Ketangkasan penting kepada pemain dalam bola sepak untuk mengubah kedudukan badan dengan pantas berlari membawa bola seterusnya menjaringkan gol dan merampas bola daripada pihak lawan ketika bertahan misalnya dalam situasi permainan mini atau permainan sebenar.

1.8.11 Imbangan

Keupayaan seseorang pemain untuk mengekalkan posturnya secara tegak sama ada dalam keadaan berlakunya pergerakan atau sebaliknya. Ujian bagi imbangan adalah Ujian Imbangan Dinamik berdasarkan Ujian *Fitnessgram*. Imbangan amat penting dalam permainan bola sepak bagi seseorang pemain mengekalkan posturnya secara tegak mengikut situasi dalam sesuatu permainan untuk mengelakkan kecederaan atau menunjukkan permainan yang berkesan.

1.8.12 Koordinasi

Keupayaan seseorang pemain untuk menggunakan deria penglihatan atau sentuhan bersama deria kinestetik serta otot untuk menghasilkan satu pergerakan badan pada masa yang sesuai dan tepat. Ujian bagi koordinasi adalah Ujian Heksagon berdasarkan Ujian *Fitnessgram*. Koordinasi penting dalam permainan bola sepak yang mana deria penglihatan atau sentuhan memainkan peranan penting dalam lakuan atau pergerakan seseorang pemain. Pemain perlu sentiasa fokus dalam apa jua keadaan ketika latihan mahupun situasi permainan mini atau permainan sebenar.





1.8.13 Kuasa

Kuasa adalah keupayaan seseorang pemain untuk melakukan sesuatu pergerakan dengan kadar yang cepat. Kuasa juga merupakan satu gabungan antara kekuatan dan kelajuan. Ujian bagi kuasa adalah Ujian Lompat Jauh Berdiri berdasarkan Ujian *Fitnessgram*. Kuasa penting dalam permainan bola sepak yang mana pemain perlu melakukan pergerakan dengan kadar yang cepat untuk menghalang pihak lawan melakukan serangan arah pintu gol.

1.8.14 Kelajuan

Keupayaan seseorang pemain untuk melakukan satu gerakan atau mampu bergerak dengan kadar yang pantas. Ujian bagi kelajuan adalah Ujian Memecut pada jarak 40 meter berdasarkan Ujian *Fitnessgram*. Kelajuan merupakan satu lagi kriteria penting dalam permainan bola sepak. Pemain yang laju mampu berlari dengan pantas untuk menggelecek pihak lawan bagi menjaringkan gol atau merampas bola daripada pihak lawan ketika bertahan.

1.8.15 Masa Tindakbalas

Masa yang diperlukan oleh seseorang pemain untuk bertindak selepas membuat keputusan seterusnya melakukan sesuatu tindakan dengan tepat. Ujian bagi masa tindakbalas pula adalah Ujian Masa Respon Nelson berdasarkan Ujian *Fitnessgram*. Masa tindakbalas amat penting dalam permainan bola sepak bagi membolehkan seseorang pemain berfikir dan bertindak dengan pantas mengenai apa dan bagaimana





melakukan sesuatu pergerakan atau kemahiran ketika latihan mahupun dalam situasi permainan mini dan permainan sebenar.

1.8.16 Penulisan Nota Refleksi (PNR) Pandangan Pemain Berstruktur

Satu bentuk penulisan yang ditulis oleh pemain-pemain bagi mendapatkan maklum balas daripada refleksi yang telah mereka berikan bagi kedua-dua program latihan iaitu PLAA dan MLT pada peringkat pascaujian. Komponen PNR pandangan pemain telah dibina oleh pengkaji merangkumi empat (4) aspek iaitu (i) keseronokan, (ii) penguasaan taktikal, (iii) penguasaan kemahiran (iv) peningkatan pemikiran. Keempat-empat aspek nota refleksi iaitu keseronokan, penguasaan taktikal dan kemahiran serta peningkatan pemikiran merupakan aspek yang hendak dicapai dalam



PLAA yang dibina berasaskan Model TGfU Revisi.

1.8.17 Jurulatih

Seorang pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk melatih pasukan bola sepak di IPG kampus yang terpilih iaitu IPG kampus sekitar Lembah Klang. Pegawai ini terlibat secara langsung dalam melaksanakan segala aspek dan komponen-komponen dalam PLAA dan MLT.

1.8.18 Pensyarah

Seorang pegawai yang terlibat memberikan kuliah dalam subjek PJ di kampus-kampus berkenaan secara teori dan amali. Pegawai juga terlibat secara langsung





dalam PLAA dan MLT. Pensyarah bertindak sebagai jurulatih kepada guru pelatih IPG kampus-kampus berkenaan.

1.8.19 Guru Pelatih

Mereka yang sedang belajar atau mengikuti kuliah-kuliah secara teori dan amali di IPG kampus-kampus terpilih (Kampus Lembah Klang). Guru pelatih juga merupakan pemain terpilih IPG kampus berkenaan yang terlibat dalam kajian. Di IPG kampus, mereka lebih dikenali sebagai guru pelatih atau siswa pendidik.

1.8.20 Pemain

Guru pelatih yang merupakan pemain-pemain IPG kampus. Mereka merupakan guru pelatih atau siswa pendidik belajar di IPG kampus terpilih yang terlibat secara langsung dalam kajian PLAA dan MLT.

1.8.21 IPG

Singkatan bagi nama Institut Pendidikan Guru. Terdapat sebanyak 27 buah IPG di setiap negeri seluruh negara. Sebanyak lima buah IPG kampus terlibat dalam kajian PLAA dan MLT sebagai sampel dalam kajian rintis dan kajian sebenar.





1.8.22 IPGM

Singkatan bagi nama Institut Pendidikan Guru Malaysia. Merupakan institut yang menguruskan semua urusan 27 buah IPG yang terdapat di setiap negeri seluruh negara. IPGM juga merupakan kampus induk, pusat pengurusan dan pentadbiran bagi semua 27 IPG seluruh negara yang diketuai oleh seorang Rektor.

1.8.23 Ko-kurikulum

Satu unit di IPG kampus terpilih yang melaksanakan semua subjek dan aktiviti sukan, permainan, persatuan dan unit beruniform serta pengurusan dalam beberapa bidang yang terdapat dalam Ringkasan Maklumat Kursus (RMK) IPGM.



1.8.24 Pendidikan Jasmani (PJ)

Pendidikan Jasmani (PJ) adalah satu mata pelajaran teras atau elektif yang diajarkan pada semua guru pelatih di IPG kampus seluruh negara. Diajarkan dalam berbagai bidang dan cabang jasmani dan kesihatan.

1.9 Limitasi Kajian

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji telah dikenalpasti tentang keterbatasannya. Pertama, kajian PLAA hanya mengambil satu jenis permainan sahaja iaitu pemain-pemain bola sepak bagi melihat kesan prestasi pemain dalam komponen MK taktikal pilihan kemahiran (hantaran, menggelecek, menanduk & menjaring), PK





(hantaran, menggelecek, menanduk & menjaring), sokong (*support*), lindung (*cover*) dalam situasi permainan mini 4 lawan 4, KM pemain (ketangkasan, imbangan, koordinasi, kuasa, kelajuan & masa tindakbalas) serta PNR pandangan pemain berstruktur (keseronokan, penguasaan taktikal, penguasaan kemahiran & peningkatan pemikiran) sebelum dan selepas intervensi dijalankan. Keduanya, kaedah kuasi eksperimental yang digunakan mengandungi praujian dan pascaujian yang mana dilihat terlalu sedikit sorotan kajian berkenaan permainan bola sepak ditemui. Kaedah ini membataskan pengkaji dalam membincangkan dapatan kajian. Ketiga, data-data diambil dan dianalisis hanya melibatkan empat buah IPG sahaja di sekitar Lembah Klang berbanding dengan 27 buah IPG yang terdapat di seluruh negara yang terdiri daripada $n=64$ orang sampel dipilih secara rawak bertujuan. Jumlah sampel menyebabkan kurang ketepatan diperoleh untuk membuat generalisasi keseluruhan pemain IPG kampus-kampus seluruh Malaysia.



Oleh itu, dapatan kajian tidak dapat memberikan satu gambaran jelas mengenai keseluruhan pemain IPG. Seterusnya, kebanyakan pemain mempunyai latar belakang yang hampir sama kerana mereka tinggal di asrama IPG masing-masing yang mempunyai persekitaran hampir sama iaitu sekitar Lembah Klang. Namun demikian, faktor-faktor lain yang membataskan kajian pengkaji adalah seperti faktor sosio budaya, pemakanan, ekonomi pemain, pengaruh ibubapa dan rakan-rakan, motivasi pemain, kesihatan, latar belakang dan pengalaman pemain bola sepak serta kemudahan-kemudahan yang terdapat di IPG yang mana program latihan dilaksanakan boleh mempengaruhi keputusan atau dapatan kajian.





Tahap kesihatan dan persekitaran pemain serta persediaan fizikal, mental dan emosi pemain juga amat penting dalam mempengaruhi keputusan kajian. Kewangan merupakan antara kekangan yang dihadapi oleh pengkaji yang mana pemain-pemain ini tinggal di sekitar Lembah Klang yang sememangnya menghadapi kos sara hidup yang amat tinggi di Kuala Lumpur. Kajian PLAA dan MLT tidak mengkaji aspek psikologi dan persediaan mental tetapi tumpuan lebih kepada domain kognitif iaitu komponen MK taktikal pilihan kemahiran. Domain psikomotor pula adalah merangkumi komponen PK, komponen KM pemain manakala domain afektif adalah melalui komponen PNR pandangan pemain.

1.10 Delimitasi Kajian



Delimitasi kajian terdiri daripada, instruksi berasaskan model program latihan yang dibina oleh pengkaji. Program latihan ini hanya dapat dilaksanakan selama enam minggu sahaja. Aspek-aspek latihan adalah terhad kepada kemahiran-kemahiran asas dalam permainan bola sepak. Rakaman video dan penggunaan *GPAI* dibuat ketika penilaian prestasi pemain dijalankan. Program latihan hanya tertumpu kepada dua kaedah yang berbeza iaitu kumpulan PLAA dan kumpulan MLT sahaja. Program ini dijalankan pada masa cuti hujung minggu Sabtu dan Ahad serta pada waktu petang iaitu Isnin hingga Jumaat setelah pemain tamat kuliah mereka. Jurulatih pula menjalankan tugas melatih pemain-pemain pasukan IPG yang dipilih dalam kajian ini. Mereka merupakan pensyarah IPG terpilih merangkap jurulatih bola sepak yang berpengalaman mengajar dan melatih di IPG dalam bidang PJ dan kokurikulum.





Jurulatih tersebut mempunyai minat dan komitmen yang tinggi dalam bidang kejurulatihan. Berkelulusan sekurang-kurangnya sarjana muda dalam bidang PJ atau Sains Sukan dari universiti-universiti tempatan. Mereka juga mempunyai lesen kejurulatihan daripada persatuan bola sepak negeri malah ada yang mempunyai lesen kejurulatihan di peringkat kebangsaan berdasarkan minat dan kebolehan yang mereka miliki. Mereka mempunyai kebolehan dan berpengalaman luas dalam bidang kejurulatihan sejak mengajar di sekolah rendah dan menengah lagi sehingga ke peringkat MSSM. Malahan, dalam kalangan mereka ada yang pernah menjadi jurulatih pada kejohanan yang lebih besar seperti Kejohanan Piala Presiden, SUKMA serta kelab-kelab bola sepak dalam liga divisyen daerah dan negeri.

